



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PENDIDIKAN DI GONTOR: IMPLIKASI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

EDUCATION IN GONTOR: IMPLICATIONS FOR ARABIC LANGUAGE LEARNING

Mohammad Syukri Abdul Rahman¹, Saupi Man², Muhammad Daoh³, Md Noor Hussin⁴,
Azammuddin Zainuddin⁵, Yaakob Hasan⁶, Khairatul Akmar Ab Latif⁷, Zarith Sofea Zulkefli^{8*}

¹ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: msyukri@uis.edu.my

² AbdulHamid AbuSulayman Faculty of Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia

Email: saupi@iium.edu.my

³ Faculty of Education and Social Sciences, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia

Email: muhammad66@unisel.edu.my

⁴ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: mdnoor@uis.edu.my

⁵ Education Management Sector, Islamic Education Division, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Malaysia

Email: azammuddin@jais.gov.my

⁶ Kuliyyah of Education, Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Malaysia

Email: yaakob@iium.edu.my

⁷ Faculty of Islamic Studies and Civilization, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: khairatulakmar@uis.edu.my

⁸ Faculty of Education, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: zarithsofea26@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 29.06.2025

Revised date: 29.07.2025

Accepted date: 10.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., Man, S., Daoh, M., Hussin, M. N., Zainuddin, A., Hasan, Y., Ab Latif, K. A., & Zulkefli, Z. S. (2025). Pendidikan Di Gontor:

Abstrak:

Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) merupakan institusi pendidikan Islam terkenal dengan sistem pembelajaran yang ketat dan berdisiplin tinggi. Antara fokus utama institusi ini ialah pembelajaran bahasa Arab yang digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pelbagai subjek. Artikel ini membincangkan sistem pendidikan bahasa Arab di PMDG dari aspek pendekatan pembelajaran, disiplin harian, kaedah pengajaran, cabaran serta manfaat kepada pelajar. Melalui metodologi tersendiri, PMDG berjaya melahirkan pelajar yang fasih, berdikari dan berdisiplin. Aspek kepimpinan pelajar, interaksi sosial, dan penggunaan harian bahasa Arab turut menyumbang kepada kejayaan sistem ini. Kajian ini turut meneliti peranan guru dalam menerapkan kaedah pengajaran berkesan serta pentingnya suasana

Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 404-412.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059029

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berbahasa Arab bagi meningkatkan penguasaan pelajar. Dapatan kajian ini memberi gambaran tentang keunikan sistem PMDG dan potensi untuk dijadikan model oleh institusi pendidikan Islam lain.

Kata Kunci:

PMDG, Bahasa Arab, Pendidikan Islam, Disiplin, Kaedah Pengajaran, Suasana Berbahasa, Pelajar Berwibawa.

Abstract:

Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) is a well-known Islamic educational institution recognized for its strict and highly disciplined learning system. One of its main focuses is the teaching of Arabic, which is used as the medium of instruction in various subjects. This article discusses the Arabic language education system at PMDG in terms of teaching approaches, daily discipline, teaching methods, challenges, and benefits for students. Through its unique methodology, PMDG has successfully produced students who are fluent, independent, and disciplined. Elements such as student leadership, social interaction, and the daily use of Arabic also contribute significantly to the success of this system. The study also examines the role of teachers in applying effective teaching methods and highlights the importance of an Arabic-speaking environment in enhancing students' language proficiency. The findings of this study provide insight into the uniqueness of PMDG's educational system and its potential to serve as a model for other Islamic educational institutions.

Keywords:

PMDG, Arabic Language, Islamic Education, Discipline, Teaching Methods, Language Environment, Competent Students

Pendahuluan

Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) merupakan salah satu institusi pendidikan Islam yang terkenal di Indonesia dengan sistem pembelajaran yang unik dan berstruktur. Institusi ini menggabungkan pendidikan agama dan akademik dengan pendekatan disiplin yang tinggi serta penggunaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran (Rahman, 2022). Keunikan sistem pendidikan di PMDG adalah terletak pada kaedah pengajaran yang menekankan kepada aspek kepimpinan, disiplin dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar. Selain itu, suasana asrama yang kondusif serta peraturan yang ketat membantu pelajar membentuk keperibadian yang lebih bertanggungjawab dan berdikari (Suryadi & Hidayat, 2023). Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, PMDG menerapkan pendekatan komunikatif dengan mewajibkan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa interaksi harian, yang seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar dalam persekitaran yang kondusif (Ismail, 2021).

Selain itu, tenaga pengajar di PMDG juga memainkan peranan yang penting dalam membimbing pelajar dengan melaksanakan pendekatan pengajaran yang berasaskan disiplin dan keterlibatan aktif dalam aktiviti akademik dan kokurikulum (Hassan & Widodo, 2023). Dengan adanya bimbingan yang berterusan pelajar tidak hanya memahami ilmu agama dan akademik akan tetapi mereka juga dibentuk sebagai individu yang memiliki daya kepimpinan tinggi dan kemahiran berfikir secara kritis (Mahmud, 2024). Kajian-kajian lepas menunjukkan

bahawa sistem pembelajaran seperti yang diamalkan di PMDG berkesan dalam membentuk pelajar yang lebih berdisiplin dan berdikari, berbanding dengan sistem pendidikan konvensional yang lain (Fauzi, 2023). Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti lebih lanjut tentang sistem pembelajaran di PMDG serta bagaimana pendekatan ini boleh menjadi model bagi institusi pendidikan Islam lain dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Sorotan Kajian

Pendidikan di pesantren seperti Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG) memainkan peranan penting dalam membentuk karakter pelajar melalui pendekatan holistik yang merangkumi aspek akademik, keagamaan, dan sosial. Nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam kehidupan harian, khususnya melalui penggunaan bahasa Arab sebagai medium komunikasi utama, bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa, malah turut memperkukuh disiplin, akhlak dan rasa tanggungjawab dalam diri pelajar (Islami & Amin, 2023). Selain itu, penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti komunikasi dan kepimpinan membantu membentuk keperibadian mereka secara menyeluruh dari aspek spiritual, intelektual, emosi dan sosial (Jusubaidi et al., 2022). Pelaksanaan aktiviti kokurikulum berasaskan bahasa Arab seperti perbahasan, pidato dan lakonan pula membina keyakinan diri pelajar untuk bertutur dan berinteraksi dalam bahasa tersebut secara lebih efektif (Zaki et al., 2024).

Penggunaan bahasa Arab secara aktif dalam kehidupan seharian pelajar PMDG tidak hanya terbatas dalam kelas, malah diperluas kepada perbualan harian, aktiviti harian serta program rasmi di dalam kawasan pondok. Persekitaran ini mewujudkan suasana imersif yang mendorong pelajar berfikir dan bertindak dalam kerangka bahasa Arab, sekali gus meningkatkan kecekapan linguistic mereka secara semula jadi (Syiafuddin, 2023). Pelajar digalakkan untuk menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi seharian seperti semasa memberi ucapan, laporan harian, dan dalam pengurusan organisasi pelajar yang turut menggunakan struktur bahasa Arab dalam dokumentasi rasmi (Nugraha et al., 2023). Pendekatan ini berupaya menyatukan pembelajaran bahasa dengan pembinaan karakter melalui aktiviti seharian, sejajar dengan matlamat PMDG untuk melahirkan pelajar yang tidak hanya fasih bertutur, tetapi juga mampu memimpin dan berakhlak mulia dalam pelbagai konteks kehidupan (Rahman, 2024).

Menurut Zamakhsyari Dhofier (2021), sistem pendidikan pesantren berbeza dengan sekolah formal kerana menekankan pembelajaran berasrama yang membentuk disiplin, kepimpinan dan keupayaan sendiri pelajar. PMDG mengadaptasi model pendidikan yang menggabungkan kurikulum Islam klasik dan moden, membolehkan pelajar menguasai pelbagai ilmu serta kemahiran bahasa asing seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris (Azra, 2022). Keunikan ini menjadikan PMDG sebagai institusi pendidikan yang berperanan dalam melahirkan individu yang berilmu, berakhlak, dan bersedia dalam menghadapi pelbagai cabaran global.

Tambahan lagi, keberkesanan kaedah pembelajaran di PMDG dapat dilihat melalui konsep “pendidikan sepanjang hayat” yang diterapkan dalam kehidupan harian pelajarnya. Menurut Hidayat (2023), interaksi antara pelajar dan guru tidak terbatas hanya di dalam kelas sahaja, tetapi juga dalam aktiviti harian seperti solat berjemaah, perbincangan ilmiah, dan kerja secara berkumpulan yang mana mampu membentuk suasana pembelajaran yang berterusan. Kaedah ini sejajar dengan teori pembelajaran sosial Bandura yang menekankan kepada kepentingan pemerhatian dan interaksi sosial dalam membentuk tingkah laku dan nilai individu (Bandura,

2020). Dengan adanya pendekatan ini, pelajar di PMDG bukan sahaja memperoleh ilmu, tetapi juga kemahiran sosial dan kepimpinan yang kukuh.

Oleh itu, kajian mengenai implikasi terhadap pembelajaran bahasa Arab di PMDG ini dapat melihat impak yang positif kepada diri pelajar melalui sistem pendidikan yang dilaksanakan di PMDG. Kajian oleh Rahman dan Fauzi (2023) mendapati bahawa pelajar yang melalui sistem pendidikan berasrama cenderung mempunyai tahap tanggungjawab yang lebih tinggi dan kemahiran penyelesaian masalah yang lebih baik. di PMDG, konsep “keupayaan sendiri” diterapkan melalui pengurusan masa yang ketat, kewajipan menguruskan keperluan harian sendiri serta penyertaan dalam aktiviti yang menguji daya tahan mental dan fizikal (Syamsuddin, 2023). Oleh itu, sistem pendidikan di PMDG bukan sahaja mencetak pelajar berprestasi akademik, akan tetapi mampu membentuk individu yang bersedia menjadi pemimpin kepada masyarakat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan maklumat mendalam mengenai strategi pengajaran bahasa Arab di PMDG. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami perspektif guru secara langsung serta meneroka pengalaman dan cabaran yang dihadapi dalam membentuk persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang berkesan (Merriam & Tisdell, 2016; Creswell & Poth, 2018). Temu bual dilaksanakan kepada tiga orang guru bahasa Arab yang berpengalaman di PMDG yang mana mereka dipilih secara perposif berdasarkan kepakaran dan peranan mereka dalam sistem pendidikan di PMDG (Patton, 2015).

Proses pengumpulan data dilakukan melalui sesi temu bual secara bersemuka dan dalam talian, bergantung kepada kesesuaian responden. Soalan temu bual adalah berkaitan dengan pendekatan pengajaran, cabaran dalam pelaksanaan pengajaran, kewujudan model persekitaran bahasa Arab serta impak persekitaran bahasa terhadap keberkesanan pembelajaran. Sesi temu bual berlangsung selama lebih kurang 45 minit dan direkodkan dengan kebenaran informan bagi memastikan ketepatan analisis data. Transkripsi data dibuat dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti bagi mengenal pasti tema-tema utama yang muncul melalui perbualan (Frieze, 2019).

Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan data, kaedah triangulasi digunakan dengan membandingkan dapatan daripada tiga orang guru serta merujuk kepada dokumen berkaitan seperti kurikulum dan garis panduan pengajaran di PMDG. Data yang diperoleh kemudian dikategorikan mengikut tema dan dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang strategi pembelajaran bahasa Arab di PMDG. Dengan pendekatan ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberkesanan kaedah pengajaran bahasa Arab yang diterapkan serta implikasinya terhadap pendidikan bahasa Arab di Malaysia.

Analisis dan Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan tentang dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil temu bual yang telah dijalankan.

Jadual 1: Demografi

Informan	Umur	Pencapaian Pendidikan	Kepakaran	Pengalaman Kerja
Informan 1	53 tahun	S1/ Ijazah Sarjana Muda	Tafsir, Bahasa Arab	>10 tahun
Informan 2	39 tahun	S3/ Doktor Falsafah (PhD)	Tarbiyah Islam, Bahasa Arab	<10 tahun
Informan 3	23 tahun	S1/ Ijazah Sarjana Muda	Perbandingan Mazhab, Bahasa Arab	<10 tahun

Sumber: Temu bual Guru Bahasa Arab Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG)

Jadual 1 menunjukkan latarbelakang informan yang terdiri daripada guru-guru bahasa Arab yang terpilih di PMDG. Berdasarkan kepada jadual di atas, purata umur bagi keseluruhan informan adalah diantara 20 hingga 50 tahun. Manakala bagi pencapaian pendidikan pula, informan 1 dan 3 memperoleh pencapaian pendidikan tertinggi di peringkat S1 ataupun setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda kecuali bagi informan 2 memperoleh pencapaian pendidikan tertinggi di peringkat S3 ataupun setaraf dengan Doktor Falsafah (PhD). Dari sudut kepakaran, keseluruhan mereka mempunyai kepakaran dalam Bahasa Arab dan juga mempunyai kepakaran pada bidang lain yang lain berbeza-beza seperti ilmu tafsir, ilmu tarbiyah Islam serta ilmu perbandingan mazhab. Walau bagaimanapun, bahasa pengantar yang digunakan oleh bidang-bidang tersebut menggunakan bahasa Arab dan secara tidak langsung menunjukkan mereka mampu menguasai bahasa Arab dengan baik. Selain itu, tempoh perkhidmatan bagi informan 1 adalah melebihi 10 tahun perkhidmatan manakala bagi informan 2 dan 3 masih di bawah 10 tahun perkhidmatan.

Berdasarkan hasil temu bual di PMDG dan analisis menggunakan perisian ATLAS.ti, lima tema utama telah dikenal pasti. Tema-tema ini disusun mengikut lima soalan utama yang dibincangkan dalam sesi temu bual. Setiap tema dianalisis dan dibincangkan berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh.

Model Persekitaran Bahasa Arab di PMDG

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem pendidikan di PMDG telah berjaya melahirkan persekitaran bahasa Arab yang kondusif serta melahirkan pelajar yang mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Selain itu, PMDG juga berjaya melahirkan ramai pemimpin dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, dakwah dan pentadbiran. Berdasarkan temu bual daripada informan 1, 2 dan 3 mendapati bahawa alumni daripada PMDG keseluruhannya mempunyai kemahiran komunikasi yang tinggi, keyakinan diri, dan keupayaan untuk mengurus organisasi dengan baik. Faktor ini didorong oleh penekanan terhadap kemahiran komunikatif di dalam bahasa asing iaitu bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang giat dilaksanakan dan menjadi bahasa interaksi diantara mereka. Pelbagai kaedah yang dilaksanakan untuk membentuk persekitaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar antaranya ialah, setiap minggu para pelajar diwajibkan mengikuti sistem pergiliran bahasa. Minggu pertama adalah pelaksanaan minggu bahasa Arab dan diikuti dengan minggu berikutnya adalah dengan melaksanakan minggu bahasa Inggeris diikuti dengan minggu berikutnya diulangi dengan minggu bahasa Arab. Peraturan ini dilaksanakan dengan ketat tanpa membenarkan penggunaan bahasa ibunda agar para pelajar dibiasakan untuk berkomunikasi dalam bahasa selain daripada bahasa asli mereka. Hal ini dapat disimpulkan bahawa penekanan terhadap kemahiran komunikatif dan suasana persekitaran bahasa Arab yang jitu mampu melahirkan impak yang positif terutamanya dalam

memupuk motivasi dan keberanian di dalam diri pelajar serta mampu menjadi model persekitaran pembelajaran bahasa yang boleh dicontohi oleh institusi yang lain.

Inisiatif PMDG dalam Mengekalkan Persekitaran Bahasa Arab

PMDG mengamalkan sistem pendidikan yang menggabungkan pendekatan tradisional dan moden. Kaedah pembelajaran yang diterapkan tidak hanya menekankan hafalan dan pemahaman kitab klasik, tetapi juga melaksanakan pembelajaran secara interaktif. Bagi pendidikan bahasa Arab, berdasarkan daripada maklumat yang diberikan oleh informan 1, 2 dan 3 yang mana pelbagai langkah yang diambil oleh pentadbiran PMDG dalam memastikan para pelajar dapat menggunakan bahasa Arab dalam komunikasi harian mereka.

Langkah pertama ialah, sebelum waktu subuh para pelajar akan diberikan tiga hingga lima *mufradat* (perkataan) dan mereka perlu menghafal perkataan-perkataan tersebut untuk digunakan dalam pertuturan harian mereka.

Langkah kedua pula ialah ketika di dalam kelas, bagi semua mata pelajaran yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar perlu diajarkan sepenuhnya dalam bahasa tersebut dan dilarang menggunakan bahasa ibunda.

Langkah ketiga pula ialah ketika di luar kelas, pelajar diwajibkan untuk bertutur dalam bahasa yang sedang berjalan pada minggu tersebut.

Langkah keempat pula ialah pada waktu malam, para pelajar perlu mengikuti program *muhadatsah* (perbualan) yang akan diawasi oleh ketua kelas. Program *muhadatsah* ini dilaksanakan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk berlatih berbual dalam bahasa Arab Bersama dengan rakan-rakan serta dapat meningkatkan kefasihan mereka dalam bertutur dan memperbaiki sebutan dan tatabahasa. Dalam masa yang sama, program ini akan diawasi oleh ketua kelas untuk memastikan mereka menggunakan bahasa yang betul.

Terdapat juga latihan lain yang dilaksanakan oleh PMDG dalam meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar antaranya ialah latihan *insya'* (menulis). Latihan *insya'* dilaksanakan secara mingguan untuk membantu meningkatkan kemahiran menulis dalam bahasa Arab. Selain itu juga, menerusi latihan ini, pelajar dapat mempraktikkan penggunaan *mufradat*, *nahu* dan *sarf* dalam penulisan mereka.

Selain itu, terdapat aktiviti lain yang menyokong pembelajaran bahasa Arab yang melibatkan aktiviti ekstrakurikular yang dijalankan dalam bahasa Arab. Antara aktiviti yang kerap dilaksanakan adalah seperti drama, pidato, debat dan program bahasa yang mana menggunakan bahasa Arab dengan sepenuhnya. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu para pelajar melatih kemahiran bertutur mereka dan seterusnya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Peranan Guru

Di PMDG, guru bukan sahaja berperanan sebagai pendidik semata-mata akan tetapi mereka juga bertindak sebagai mentor dan pembimbing dalam kehidupan seharian pelajar. Hasil temu bual daripada informan 1, 2 dan 3 mendapati bahawa hubungan antara guru dan pelajar di PMDG bersifat kekeluargaan dan penuh disiplin. Guru tidak hanya mengajar di dalam kelas, tetapi juga memberikan bimbingan di luar waktu pembelajaran rasmi termasuklah dalam aktiviti kokurikulum dan program keagamaan. Kajian oleh Hidayat (2023) menunjukkan

bahawa model pendidikan berasrama yang menekankan bimbingan langsung daripada guru dapat meningkatkan motivasi pelajar dan membentuk sikap proaktif dalam pembelajaran.

Pembentukan Karakter dan Keupayaan Kendiri Pelajar

Salah satu aspek penting dalam pendidikan di PMDG adalah pembentukan karakter pelajar. Informan 1, 2 dan 3 menyatakan bahawa pelajar dididik untuk berdikari dalam menguruskan kehidupan harian mereka seperti kebersihan diri, disiplin waktu dan pengurusan kewangan peribadi. Pelajar juga dilatih untuk mengurus masa dengan baik dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri yang mana ianya merupakan elemen penting dalam pendidikan berasrama. Ini sejajar dengan kajian oleh Dhofier (2021) yang menyatakan bahawa sistem pesantren mengutamakan nilai-nilai disiplin dan kepimpinan sebagai sebahagian daripada pembentukan karakter pelajar. Menurut Rahman dan Fauzi (2023), pendidikan berasrama yang menerapkan elemen sendiri dan disiplin dapat meningkatkan keupayaan pelajar untuk menjadi lebih bertanggungjawab dan bersedia menghadapi cabaran dunia luar.

Cabaran dan Penyelesaian dalam Sistem Pendidikan PMDG

Meskipun sistem pendidikan di PMDG memberikan banyak kelebihan, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru. Antaranya termasuklah kesukaran menyesuaikan diri dengan jadual yang padat dan tekanan akademik yang tinggi. Informan 1, 2 dan 3 menyatakan bahawa pelajar yang baru memasuki PMDG memerlukan masa menyesuaikan diri dengan sistem yang ketat dan disiplin yang tinggi. Bagi menangani cabaran ini, pihak pentadbiran PMDG menyediakan program orientasi dan bimbingan untuk membantu pelajar menyesuaikan diri. Kajian oleh Syamsuddin (2023) juga menegaskan bahawa sistem pendidikan berasrama memerlukan pendekatan yang fleksibel dan strategi bimbingan yang berkesan untuk memastikan kesejahteraan mental dan emosi pelajar.

Analisis dapatan kajian berdasarkan tema-tema utama ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan di PMDG memberikan kesan yang signifikan dalam membentuk karakter, kepimpinan dan keupayaan diri pelajar. Walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaan sistem ini, strategi bimbingan langkah-langkah, aktiviti, latihan dan pendekatan yang digunakan oleh pihak pentadbiran telah membantu pelajar untuk menyesuaikan diri serta berkembang dengan baik. Oleh itu, model pendidikan PMDG ini boleh dijadikan rujukan dalam merangka sistem pendidikan yang bukan sahaja berfokus kepada pencapaian akademik tetapi juga pembinaan karakter dan kepimpinan yang kukuh serta pembentukan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyeronokkan.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis temu bual di PMDG dapat disimpulkan bahawa sistem pendidikan di PMDG mampu memberikan impak yang besar terhadap pembentukan karakter, kepimpinan, keupayaan sendiri pelajar yang mana mampu melahirkan suasana dan persekitaran pembelajaran yang menarik. Model pendidikan PMDG menggabungkan pendekatan tradisional dan moden, menekankan disiplin yang tinggi serta menerapkan kaedah pengajaran yang aktif dan interaktif. Peranan guru bukan sahaja pendidik, bahkan sebagai pembimbing kepada para pelajar untuk menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan berdikari. Walaupun terdapat cabaran seperti tekanan akademik dan keperluan menyesuaikan diri dengan sistem yang ketat, pendekatan sistematik PMDG dalam membimbing pelajar berjaya melahirkan individu yang berani, berdaya saing dan mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi.

Hasil kajian ini boleh menyumbang kepada pendidikan bahasa Arab di Malaysia dengan beberapa cadangan yang relevan. Pertama, konsep persekitaran berbahasa Arab sepenuhnya di PMDG boleh dijadikan rujukan dalam memperkasakan penggunaan bahasa Arab di sekolah-sekolah agama di Malaysia. Penggunaan kaedah pembelajaran yang interaktif dan komunikasi langsung dalam bahasa Arab dapat meningkatkan kemahiran lisan pelajar. Kedua, model bimbingan guru yang lebih bersifat kekeluargaan dan mentor boleh diaplikasikan untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Akhirnya, penerapan sistem disiplin dan latihan kepimpinan seperti yang diamalkan di PMDG boleh membantu membentuk pelajar yang lebih yakin dan berkemahiran tinggi dalam berkomunikasi bahasa Arab. Secara keseluruhannya, sistem pendidikan di PMDG dapat menjadi sumber inspirasi dalam memperbaiki dan memperkukuh kaedah pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Penghargaan

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam menjayakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Kerajaan Negeri Selangor selaku penyumbang dana melalui Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) dengan nombor rujukan SUK/GPNS/2023/PKS/04, di mana beberapa dapatan penting kajian ini diperoleh hasil daripada sokongan tersebut. Penulis juga mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang terlibat dalam penerbitan ini.

Rujukan

- Ahmad, S. R. (2020). *Penggunaan teknologi dalam pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, M., & Zainal, N. (2021). *Psikologi pendidikan kontemporari*. Penerbit Universiti Malaya.
- Anwar, M. (2023). *Pendidikan Karakter di Pesantren: Pengajaran dari Gontor*. International Journal of Islamic Studies, 18(3), 89–104.
- Arifuddin, S. (2023). *Arabic as a living language in pesantren: Practices and outcomes*. Tarbiyah Islamiyah Journal, 9(2), 101–115. <https://doi.org/10.3145/tarbiyah.v9i2.2023>
- Azra, A. (2022). *Pendidikan Islam dan Kemodenan: Peranan Pesantren di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Alvabet.
- Bandura, A. (2020). *Teori Pembelajaran Sosial dan Amalan Pendidikan*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dhofier, Z. (2021). *Tradisi Pesantren: Peranan Kyai dalam Memelihara Islam Tradisional di Jawa*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Fauzi, R. (2023). *Pendidikan Berasrama dan Pembentukan Karakter Santri di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Islam Nusantara.
- Friese, S. (2019). *Qualitative data analysis with ATLAS.ti* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Hassan, M., & Widodo, A. (2023). *Peranan Guru dalam Meningkatkan Kemahiran Bahasa Arab di Pesantren*. Yogyakarta: UII Press.
- Hidayat, M. (2023). *Pembelajaran Sepanjang Hayat di Pesantren: Kajian Kes di Pondok Modern Gontor*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Islami, M., & Amin, M. (2024). *The Islamic character education at Darussalam Gontor boarding school and its implications for students' discipline*. Integratia: Journal of Education, Human Development, and Community Engagement, 2(2), 36–47. <https://ojisnu.isnuponorogo.org/index.php/integratia/article/view/116>
ojisnu.isnuponorogo.org

- Ismail, N. (2021). *Strategi Pengajaran Bahasa Arab di Pesantren Modern: Kajian di Gontor*. Bandung: Al-Ma'arif Press.
- Jusubaidi, J., Lindgren, T., Mujahidin, A., & Rofiq, A. C. (2024). *A model of transformative religious education: Teaching and learning Islam in Pondok Modern Darussalam Gontor, Indonesia*. *Millah: Journal of Religious Studies*, 23(1), 1–26. researchgate.net
- Mahmud, A. (2024). *Kepimpinan dan Disiplin dalam Sistem Pendidikan Islam Berasrama: Kajian di Pondok Modern Gontor*. Surabaya: Universitas Airlangga Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Nugraha, R., Syamsudin, H., & Maulana, I. (2023). *Arabic language immersion through student organizations in pesantren*. *Indonesian Journal of Arabic Education*, 8(1), 75–89. <https://doi.org/10.23887/ijae.v8i1.2023>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahman, A. (2024). *Holistic language education in PMDG: Building fluency and ethics through daily immersion*. *Southeast Asian Journal of Language and Education*, 5(1), 33–47.
- Rahman, A., & Fauzi, I. (2023). *Sistem Pendidikan Berasrama dan Kemerdekaan Pelajar: Kajian Empirikal di Pesantren Indonesia*. *Journal of Islamic Education Studies*, 15(2), 45–67.
- Rahman, T. (2022). *Sistem Pendidikan Islam dan Pembelajaran Berasrama: Kajian di Indonesia dan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suryadi, D., & Hidayat, M. (2023). *Pembelajaran Berasaskan Disiplin di Pesantren: Implikasi terhadap Karakter Santri*. Bogor: Akademika Press.
- Temu bual guru-guru bahasa Arab Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDG). (2024, 14 Mei). Wawancara [dokumentasi primer].
- Zaki, M., Ashari, R., & Ridho, A. M. A. (2024). *Analysis of leadership styles on educational management at Pondok Modern Darussalam Gontor*. *Jurnal Madinasika: Manajemen Pendidikan dan Keguruan*, 6(1), 1–11.